

**PENGLIBATAN PELAJAR DALAM AKTIVITI  
KO-KURIKULUM DALAM PERSATUAN  
KAJIAN KES : UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
SARAWAK**

PERPUSTAKAAN UiTM SARAWAK

PROJEK PELAJAR

**AHMAD ZAKWAN BIN ISMAIL**

**DOMINIC NAWONG**

**MOHAMAD ISMALIE BIN YUSOP**

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh  
Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang bagi keperluan Diploma  
Pentadbiran Awam

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
KAMPUS SAMARAHAN  
2000**

## ABSTRAK

Kajian ini adalah merupakan satu penyelidikan berkenaan penglibatan pelajar UiTM aktiviti ko-kurikulum dan kegiatan persatuan dalaman. Penyelidikan dijalankan oleh para penyelidik di kampus UiTM Samarahan. Manakala responden adalah terdiri daripada siswa-siswi UiTM. Bentuk Kajian adalah untuk mengkaji aspek keberkesanan aktiviti ko-kurikulum dan kegiatan persatuan dalaman yang dijalankan berdasarkan pengukuran dan penilaian daripada maklumbalas responden. Tesis ini adalah berbentuk kualitatif. Segala bentuk hasil kajian berdasarkan maklumbalas daripada responden. Aspek pendekatan berdasarkan kenyataan yang diberikan melalui borang kaji selidik untuk mendapatkan gambaran dan keadaan sebenar bentuk kajian. Dengan yang demikian, hasil kajian akan dapat menyumbangkan kepada UiTM satu bentuk maklumat yang amat berharga dalam penstrukturan dan perkembangan aktiviti ko-kurikulum di UiTM.

# KANDUNGAN

Muka surat

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	iii
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI GAMBARAJAH	viii

## BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Pengenalan Tajuk Kajian	1
1.2 Latarbelakang Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Kepentingan Kajian	10
1.5 Hipotesis	12
1.6 Skop Kajian	13
1.7 Tinjauan Literatur	14
1.8 Limitasi Kajian	16

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pengenalan Tajuk Kajian

Bab ini adalah pengenalan kepada asas tajuk kajian iaitu kegiatan ko-kurikulum itu sendiri. Kegiatan ko-kurikulum adalah satu penglibatan yang berbentuk aktiviti yang lebih menumpukan kepada kegiatan di luar daripada aktiviti pembelajaran dalam kelas, dewan atau bilik kuliah yang lebih cenderung kepada aktiviti formal akademik. Kegiatan formal akademik yang dimaksudkan ialah aktiviti akademik itu lebih menumpukan aspek 3 M iaitu membaca, mengira atau menulis pada dasarnya.

Ko-kurikulum adalah satu kegiatan di mana para siswa dan siswi berada di luar kelas atau dewan kuliah dan kegiatan ini tertumpu sebagai satu kegiatan luar yang lebih bercorak kepada gabungan aspek sosialisasi, mental dan fizikal di kalangan siswa dan siswi. Kegiatan ko-kurikulum merupakan format ilmiah yang membebaskan diri siswa dan siswi dari tekanan akademik.

Jika ditinjau dari segi sejarah, perkataan ko-kurikulum berasal daripada perkataan Latin *curriculum* yang bermaksud ruang tempat di mana pembelajaran berlaku. Perkataan ini telah digunakan sejak zaman Plato, kira-kira 400 SM. Ketika itu kanak-kanak Yunani di bandar Athens telah mengikuti satu kurikulum pendidikan. Menurut rekod sejarah, pada zaman itu kanak-kanak Yunani belajar kemahiran membaca,

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dan mengulas dengan lebih terperinci berkenaan dengan tajuk penyelidikan yang dikemukakan. Aspek perbincangan dan ulasan secara lebih terperinci adalah penting untuk menentukan hala-tuju bentuk penyelidikan yang dijalankan agar tidak terkeluar daripada landasan yang ditetapkan.

Perkara ini adalah disebabkan pada hakikatnya aspek ko-kurikulum itu adalah sebahagian daripada kompleksiti asas yang membentuk kurikulum. Oleh itu, para penyelidik perlu memahami kedua-dua konsep ini agar tidak terkeliru dalam membuat sebarang bentuk ulasan dan huraian berdasarkan terma yang digunakan.

#### 2.1 Sorotan Aspek Konsep Ko-kurikulum

Sorotan aspek konsep yang akan diutarakan adalah berkaitan dengan konsep kokurikulum itu sendiri. Pada hakikatnya kokurikulum adalah sebahagian daripada kompleksiti yang membentuk kurikulum yang terbahagi kepada dua elemen asas iaitu aspek kurikulum pembelajaran dan aspek kurikulum (kokurikulum) kegiatan di luar pembelajaran formal.